

UCAPAN ALUAN

**HAMZAH BIN HJ. MOHAMAD
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA
PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2020**

27 SEPTEMBER 2020

SALUTASI

**Yang Berhormat Tuan Haji Razaili Bin Haji Gapor
ADUN N. 29 Beting Maro**

**Yang Berusaha En. Bujang Anak Ladi
Pemangku Pegawai Daerah Pusa
Pejabat Daerah Pusa**

**Yang Berusaha Puan Shahriah Bte Saharom
Pengaroh
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri
Sarawak**

**Yang Berusaha Tuan Haji Mahbang Bin Labek
Penghulu
Kampung Beladin**

Pemimpin-pemimpin Masyarakat Setempat

Wakil Agensi Kerajaan Persekutuan & Negeri

Para Media

Para Penduduk Kampung Beladin

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana pada hari ini dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Penutupan Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon Dan Kesejahteraan Keluarga Sempena Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tuan Haji Razaili Bin Haji Gapor, Adun N. 29 Beting Maro kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita sekaligus akan menyempurnakan perasmian majlis pada hari ini.
3. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sarawak atas kerjasama untuk bersama-sama menjayakan program pada kali ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Penduduk Kampung Beladin yang memberikan sokongan padu di dalam menjayakan program kesedaran alam sekitar.
4. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian menunjukkan sokongan, semangat dan komitmen dalam menjayakan segala program yang dirancang oleh kerajaan melalui Jabatan Alam Sekitar dalam isu penjagaan alam sekitar. Harapan saya agar maklumat dan pengetahuan yang diperolehi akan dapat dikongsi bersama dengan keluarga, rakan-rakan, serta masyarakat.

PENGENALAN KEPADA OZON

5. Apa itu OZON? Ozon atau tri-oxygen gas adalah inorganic molekul dengan formula gabungan 3 atom oksigen, O₃ merupakan salah satu gas tanpa warna yg boleh dikesan di atmosfera dan permukaan bumi. Ia boleh terbentuk secara semula jadi mahupun dari produk yang dihasilkan oleh kita.
6. Bila ia berada di Lapisan Stratosphere bumi pada ketinggian 10-50 km dari permukaan bumi, lapisan ozon (good ozone) kerana ianya berperanan menyerap kebanyakan pancaran ultraviolet dr matahari dan berfungsi melindungi kehidupan di muka bumi dan mengelakkan kerosakan kepada tumbuhan dan ekosistem alam kita.
7. Malangnya lapisan ozon ini semakin menipis dan terancam disebabkan oleh penggunaan secara berlebihan beberapa jenis bahan kimia yang dikenali umum sebagai bahan pemusnah ozon (*Ozone Depleting Substance (ODS)*) seperti Kloroflourokarbon (CFC), Hidroklouoflourokarbon (HCFC), Halons, Karbon Tetraklorida (CTC), Metil Kloroform, Metil Bromida, dan 3Bromochloromethane. Bahan ini lazimnya dalam alat-alat pendingin hawa atau '*air-condition*' di rumah, bangunan dan kenderaan dan untuk peti sejuk di rumah, kedai makanan dan pasar raya.

8. Jika terdedah atau menyedut ozon berlebihan pada tropospheric iaitu ground level (ozone) boleh merosakkan paru-paru dan reduce lung function. Dalam jumlah kecil pun kita boleh merasa kesan seperti sakit dada, batuk dan lelah dan boleh memburukkan lagi kepada individu yang mempunyai masalah pernafasan seperti asma.

PENCAPAIAN MALAYSIA DI DALAM MEMATUHI PROTOKOL MONTREAL UNTUK MELINDUNGI LAPISAN OZON

9. Malaysia sebagai salah sebuah negara A5 iaitu negara membangun memainkan peranan aktif dalam menyuarakan isu-isu penipisan lapisan ozon diperingkat antarabangsa. Terkini, semasa mesyuarat Ke 31 Parti – Parti kepada Protokol Montreal yang telah diadakan pada 4 – 8 November 2019 yang lalu di Rome, Itali, Malaysia telah dilantik sebagai Naib Presiden mewakili benua Asia Tenggara dan Pasifik ke Jawatankuasa Bureau of the Eleventh Meeting of the Conference of the Parties to the Vienna Convention for the Protection of the Ozone Layer dan the Thirty First Meeting of the Parties to the Montreal Protocol on Substances That Deplete the Ozone Layer

SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA

10. Hari Ozon Sedunia telah diistiharkan pada 16 September oleh PBB pada tahun 1994. Pada setiap tahun negara-negara parti kepada protokol montreal mengenai bahan pemusnah ozon menyambut Hari Ozon Sedunia dengan mengadakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kesedaran awam tentang bahaya ozon dan kesedaran tentang pentingnya perlindungan lapisan ozon kepada kehidupan sejagat.

11. Bersempena dengan Sambutan Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah merancang beberapa program iaitu:-
 - a) Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon dan Kesejahteraan Keluarga' dan antara pengisian program pada hari ini adalah ceramah ozon, kuiz, demonstrasi pengujian pelepasan gas dari kenderaan petrol & penghawa dingin kenderaan, ceramah dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri Sarawak, pameran dan tayangan video.

 - b) 'Program Save Ozone Virtual Ride' dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad iaitu aktiviti berbasikal dan Berlari secara maya atau realiti sejauh 50KM (Ride) dengan cara norma baru, dimana jua peserta berada bersesuaian dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan mengikut Prosedur Operasi Standard ditetapkan. Program adalah terbuka kepada orang awam. Peserta telah mendaftar secara online dan

tempoh berbasikal bermula 22 Ogos sehingga 6 September 2020. Dengan menggalakkan masyarakat untuk berbasikal boleh mengurangkan pelepasan gas dari kenderaan bermotor yang menjadi ground level ozon yang membahayakan kesihatan.

- c) Aktiviti 'Virtual Ozone Run' dgn konsep yang sama dgn Virtual Ride. Perasmian kedua-dua aktiviti ini akan diadakan pada 17 Oktober 2020 di BCCK Kuching.

PENGHARGAAN DAN HARAPAN

12. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran program hari ini dan berharap ianya dijadikan acara tahunan dan diteruskan. Semoga melalui program sebegini, inisiatif menangani isu-isu alam sekitar dan kesedaran perlindungan lapisan ozon serta menggalakkan orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat dan menggunakan peralatan yang *ozone friendly* dapat ditingkatkan dalam usaha kita bagi memulihara dan melindungi alam sekitar untuk generasi masa kini dan akan datang.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah assalamualaikum w.b.t.